

**PENGARUH KAEDAH PERMAINAN DAN  
NYANYIAN TERHADAP SIKAP MURID  
PENDIDIKAN ISLAM DI  
DAERAH TUARAN**



**TUTY ALAWYIA BINTI MISBAH**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2016**

**PENGARUH KAEDAH PERMAINAN DAN  
NYANYIAN TERHADAP SIKAP MURID  
PENDIDIKAN ISLAM DI  
DAERAH TUARAN**

**TUTY ALAWYIA BINTI MISBAH**



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2016**

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

07 Mei 2016

---

Tuty Alawya binti Misbah  
PT20118109



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : TUTY ALAWYIA BINTI MISBAH

NO PELAJAR : PT20118109

TAJUK : KAEDAH PERMAINAN DAN NYANYIAN TERHADAP SIKAP MURID PENDIDIKAN ISLAM DI DAERAH TUARAN

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN( KURIKULUM DAN PENGAJARAN)

TARIKH VIVA : 22 FEBRUARI 2016

### DISAHKAN OLEH

- **1. PENYELIA**  
Dr. Sainei @ Saini Bin Andamit @ Ag. Damit Tandatangan  
\_\_\_\_\_
- 2. PENYELIA BERSAMA**  
Dr. Muhammad Suhaimi Bin Taat  
\_\_\_\_\_

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Segala pujian bagi Allah SWT kerana dengan izinNya membolehkan saya menyelesaikan penyelidikan ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah sarjana pendidikan. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, sahabat-sahabatnya dan mereka yang mendukung perjuangannya hingga ke akhir zaman.

Tanpa sokongan dan komitmen daripada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi penghasilan penyelidikan ini tidak mungkin akan menjadi kenyataan. Oleh itu, di kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga khususnya kepada penyelia dan pembimbing saya Dr. Saini Ag. Damit dan Dr. Muhammad Suhaimi Taat yang telah memberi banyak bimbingan dan tunjuk ajar yang sangat berguna di sepanjang proses menyiapkan penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD) dan Jabatan Pendidikan Negeri kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di Negeri Sabah khasnya di sekolah-sekolah rendah Daerah Tuaran.

Terima kasih juga di ucapkan kepada Pejabat Pelajaran Daerah Tuaran kerana banyak memberikan maklumat berkaitan data-data murid dan tidak dilupakan kepada guru-guru Pendidikan Islam dan j-QAF di daerah Tuaran yang telah memberi kerjasama dalam pemilihan responden bagi penyelidikan ini.


Seterusnya ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada suami tersayang Mohd Umran Adeni di atas kesabaran dan pengorbanan yang telah diberikan kepada saya. Buat tiga orang puteraku Muhammad Hafiy Hafzan, Muhammad Firas Firdaus dan Muhammad Hadif Hadad yang begitu memahami dan menjadi sumber inspirasiku untuk menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya kalian adalah pencetus dan pemangkin kejayaan ini.

Akhir sekali buat ibu tersayang, abang dan adik-adik yang sentiasa memberi galakan dan sokongan untuk menyiapkan kajian ini. Semoga Allah SWT sentiasa memberi rahmatnya terhadap kebaikan yang kita lakukan.

Tuty Alawya binti Misbah  
07 Mei 2016

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat pengaruh dan hubungan kaedah permainan dan nyanyian terhadap sikap murid Pendidikan Islam. Responden terdiri daripada 240 orang murid tahun Lima di 11 buah sekolah rendah kebangsaan, di daerah Tuaran telah dipilih. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS 21.0. Statistik deskriptif melibatkan pengukuran min, sisihan piawai, manakala statistik inferensi melibatkan ujian-t tidak bersandar, korelasi Pearson dan regresi berganda untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Melalui soal selidik yang yang diberikan, responden diminta menjawab 26 item pelaksanaan aktiviti permainan dan nyanyian yang dijalankan oleh guru dan 12 item tentang sikap murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan responden lelaki dan perempuan bagi kedua-dua variabel kaedah dan sikap murid. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang positif tetapi sederhana antara kaedah permainan dan nyanyian dengan sikap murid bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Selain itu, analisis regresi mendapati hanya terdapat kaedah permainan yang mempengaruhi secara signifikan terhadap sikap murid iaitu sebanyak 21.1 peratus. Dapatan kajian ini memberikan implikasi kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam iaitu bagi meningkatkan sikap murid, seharusnya pendekatan pengajaran berpusatkan murid diamalkan agar dapat membentuk sikap yang positif dalam kalangan murid untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam.




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

### **THE INFLUENCE OF USING GAME AND SONG ON STUDENTS ATTITUDES FORWARDS ISLAMIC EDUCATION SUBJECT IN DISTRICT OF TUARAN**

*This study aimed to examine the influence and relationship of game and singing teaching method on the attitude of Islamic Education students. Respondents of 240 pupils ranging from Year 5 students in 11 National Primary School the district of Tuaran. Descriptive and inferential statistics were used to analysis the data. Descriptive statistics involve the measurement of the mean, standard deviation where as the inferential statistics based on independent sample t-test, Pearson correlation and multiple regression. Respondents have been asked to answer 26 items on implementation activities in the questionnaires about the games and singing teaching method conducted by teachers and 12 items regarding the attitudes of pupils toward Islamic education subject. Overall, there was no significant difference between male and female respondents to both methods and pupils attitudes. The study reveals that there is a positive relationship between towards game and singing with the attitudes of the Islamic Education students. Mean while, the regression analysis shows that onle game significantly influenced the pupil attitude with 21.1 percent. The findings of this study gave implications on the teaching and learning methods used by the Islamic Education teachers. Student-centered teaching approach should be adopted in order to foster positive attitude among students as to improve students attitude towards learning Islamic education.*



# KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SINGKATAN</b>	xiv
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Definisi Operasional	15
1.9.1 Pengaruh	15
1.9.2 Kaedah	16
1.9.3 Nyanyian	16
1.9.4 Permainan	16
1.9.5 Sikap murid	17
1.9.6 Pendidikan Islam	17
1.10 Kesimpulan	17



## **BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	18
2.2	Pengajaran dan Pembelajaran	18
2.3	Perkembangan Pembelajaran Pendidikan Islam	20
2.3.1	Perkembangan Pendidikan Islam	20
2.3.2	Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia	21
a.	Pendidikan di rumah dan surau	22
b.	Sekolah Pondok	23
c.	Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam	24
d.	Konsep Kurikulum Pendidikan Islam	25
e.	Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia	25
f.	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)	28
g.	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	30
2.4	Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam	31
2.5	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam	34
2.6	Kaedah Permainan dan Nyanyian	41
2.6.1	Permainan	42
2.6.2	Nyanyian	45
2.6.3	Pandangan Nyanyian Dalam Islam	47
2.6.4	Faedah Permainan dan Nyanyian	49
2.7	Sikap Murid	51
2.8	Pendidikan Islam	52
2.8.1	Falsafah Pendidikan Islam	55
2.8.2	Matlamat Pendidikan Islam	57
2.8.3	Pendidikan Akhlak dalam Pendidikan Islam	58
2.9	Teori-teori Sikap dan Pembelajaran	59
2.9.1	Teori Pembelajaran Permainan	61
2.9.2	Teori Pembelajaran Nyanyian	62
2.10	Model Pengajaran	64
2.10.1	Model Pengajaran Permainan	65
2.10.2	Model Pengajaran Nyanyian	66
2.11	Tinjauan Kajian Lepas	67

2.11.1	Kajian tentang kaedah permainan	68
2.11.2	Kajian tentang kaedah nyanyian	71
2.11.3	Kajian tentang sikap murid terhadap Pendidikan Islam	73
2.12	Kerangka konseptual Kajian	77
2.13	Kesimpulan	79

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	80
3.2	Reka Bentuk Kajian	81
3.3	Populasi dan sampel kajian	81
3.4	Instrumen Kajian	83
3.4.1	Instrumen Soal Selidik	84
	a. Latar belakang responden	85
	b. Persepsi murid terhadap kaedah permainan	85
	c. Persepsi murid terhadap kaedah nyanyian	85
	d. Sikap murid terhadap Pendidikan Islam	85
3.5	Kesahan kandungan dan muka	85
3.6	Kajian Rintis	87
3.7	Nilai kebolehpercayaan Instrumen	90
3.8	Pengumpulan Data	92
3.9	Penganalisan Data	92
3.9.1	Statistik Deskriptif	92
3.9.2	Statistik Inferensi	93
	a. Ujian t	93
	b. Korelasi Pearson	93
	c. Regresi berganda	94
3.10	Kesimpulan	95

### **BAB 4: DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	96
4.2	Huraian latar belakang responden	96
4.2.1	Taburan Frekuensi responden	97

4.3	Analisis data-data item	100
4.3.1	Persoalan kajian persepsi murid terhadap kaedah permainan dan nyanyian	100
4.3.2	Persoalan kajian sikap murid terhadap Pendidikan Islam	104
4.4	Pengujian Hipotesis	105
4.5	Rumusan Keseluruhan hipotesis kajian	110
4.6	Kesimpulan	111

**BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN, I MPLIKASI TERHADAP TEORI DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	112
5.2	Ringkasan Pendekatan Kajian	112
5.3	Rumusan Dapatan	114
5.4	Perbincangan	115
5.4.1	persepsi murid terhadap kaedah permainan dan nyanyian	115
5.4.2	Sikap Murid terhadap Pendidikan Islam	116
5.4.3	Perbezaan Persepsi kaedah permainan berdasarkan jantina	117
5.4.4	Perbezaan persepsi kaedah nyanyian berdasarkan jantina	118
5.4.5	Perbezaan sikap murid terhadap Pendidikan Islam	118
5.4.6	Hubungan antara kaedah permainan dengan sikap murid	119
5.4.7	Hubungan antara kaedah nyanyian dengan sikap murid	121
5.4.8	Pengaruh Kaedah permainan dan nyanyian terhadap sikap murid	122
5.5	Penambahbaikan Kaedah permainan dan nyanyian	124
5.5.1	Pengajaran dan Pembelajaran al-Quaran	125
5.5.2	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	125
5.5.3	Buku Teks menggunakan tulisan jawi	126
5.5.4	Waktu pelajaran jawi yang tidak mencukupi	126
5.5.5	Latihan dalam Perkhidmatan guru Pendidikan Islam	126
5.6	Implikasi terhadap teori	127
5.6.1	Implikasi terhadap teori	127
5.6.2	Implikasi terhadap amalan	129

5.7	Cadangan	131
5.7.1	Kementerian Pelajaran Malaysia	131
5.7.2	Guru Pendidikan Islam	132
5.7.3	Ibu Bapa	133
5.7.4	Semua Murid	133
5.7.5	Cadangan Kajian Lanjutan	134
5.9	Penutup	135
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	137
	<b>LAMPIRAN</b>	148




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: Jumlah Taburan Murid Islam Sekolah Rendah daerah Tuaran	82
Jadual 3.2: Bilangan Murid Islam Mengikut Zon daerah Tuaran	83
Jadual 3.3: Skala lima tahap	85
Jadual 3.5: Klasifikasi indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	91
Jadual 3.6: Dapatan nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach dalam kajian rintis tahun lima	91
Jadual 3.7: Interapsi min tahap kompetensi murid tahun lima	93
Jadual 3.8: Tahap kekuatan hubungan dalam Kaedah korelasi	94
Jadual 3.9: Alat statistik yang digunakan Mengikut soalan hipotesis kajian	95
Jadual 4.1: Taburan frekuensi responden mengikut jantina	97
Jadual 4.2: Taburan frekuensi responden mengikut lokasi sekolah	98
Jadual 4.3: Taburan frekuensi responden mengikut bangsa	99
Jadual 4.4: Taburan persepsi murid terhadap Kaedah permainan dan nyanyian	100
Jadual 4.5: Taburan sikap murid terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam	104
Jadual 4.6: Perbezaan kaedah Permainan Berdasarkan Jantina	106
Jadual 4.7: Perbezaan kaedah Nyanyian Berdasarkan jantina	106
Jadual 4.8: Perbezaan Sikap Berdasarkan jantina	107
Jadual 4.9: Hubungan Kaedah Permainan terhadap Sikap murid	108
Jadual 4.10: Hubungan kaedah nyanyian terhadap sikap murid	108
Jadual 4.11: Pengaruh kaedah permainan dan nyanyian terhadap sikap murid	109
Jadual 4.12: <i>Pseudo R- Square</i>	109
Jadual 4.13: Analisa keseluruhan dapatan untuk objektif	110

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Model PdP Pendidikan Islam Berasaskan konsep 5M	33
Rajah 2.2: Hubungan tuhan manusia dan alam menurut al-Kayla	56
Rajah 2.3: Komponen sikap-sikap	61
Rajah 2.4: Model pengajaran permainan Robert Glaser (1990)	66
Rajah 2.5: Model pembelajaran nyanyian Assure (1989)	67
Rajah 2.6: Kerangka konseptual kajian	78
Rajah 3.1: Proses pengubahsuaian item soal selidik	86
Rajah 4.1: Taburan frekuensi responden mengikut jantina	97
Rajah 4.2: Taburan frekuensi responden mengikut lokasi sekolah	98
Rajah 4.3: Taburan frekuensi responden mengikut bangsa	99



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SINGKATAN

<b>3M</b>	-	Membaca, Menulis dan Mengira
<b>BBM</b>	-	Bahan Bantu Mengajar
<b>BPG</b>	-	Bahagian Pendidikan Guru
<b>BPI</b>	-	Bahagian Pendidikan Islam
<b>DBP</b>	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
<b>et al.</b>	-	dan semua
<b>FPI</b>	-	Falsafah Pendidikan Islam
<b>FPN</b>	-	Falsafah Pendidikan Negara
<b>ICT</b>	-	Teknologi Maklumat
<b>JERI</b>	-	Jasmani, emosi, rohani dan Intelek
<b>j-QAF</b>	-	Jawi, Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain
<b>KBSM</b>	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
<b>KBSR</b>	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
<b>KLRS</b>	-	Kurikulum Lama Sekolah Rendah
<b>KPM</b>	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
<b>KSPK</b>	-	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
<b>KSSR</b>	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
<b>M</b>	-	Masihi
<b>PAFA</b>	-	Penilaian
<b>PdP</b>	-	Pengajaran dan Pembelajaran
<b>PI</b>	-	Pendidikan Islam
<b>PIPP</b>	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
<b>PMR</b>	-	Penilaian Menengah Rendah
<b>SAW</b>	-	<i>Ṣallallāhu 'Alayhi Wa Sallam</i>
<b>SPPS</b>	-	<i>Statistical Package For Social Science</i>
<b>SWT</b>	-	<i>Subḥānahu Wa Ta'ālā</i>
<b>YAB</b>	-	Yang Amat Berhormat

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan Islam merupakan pelajaran yang paling penting kerana Pendidikan Islam merupakan satu proses mendidik akal, jasmani dan roh manusia berasaskan nilai-nilai insaniah yang bersumberkan al-Quran dan As-Sunnah untuk melahirkan manusia yang bertakwa. Pendidikan Islam juga memastikan pelajar mempunyai kekuatan dalaman untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa agar mereka tidak terkeluar daripada landasan nilai etika dan kerohanian. Hal ini amat relevan dengan ciri-ciri Pendidikan Islam yang sentiasa sesuai dengan pelbagai situasi dalam kehidupan manusia.

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia menghadapi cabaran dan tekanan besar dalam menghadapi persaingan abad ke-21 ini. Persaingan daripada negara-negara lain memberi dorongan kepada kita untuk melakukan satu anjakan besar agar melangkah ke peringkat pembangunan seterusnya dan mencapai wawasan 2020. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan bertujuan untuk memperkemaskan pelaksanaan program-program Pendidikan serta memantapkan lagi proses pembinaan modal insan secara menyeluruh dan berterusan supaya modal insan iaitu murid yang dihasilkan berupaya memenuhi kehendak tempatan dan antarabangsa, di samping mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia dalam arena global khususnya dalam bidang Pendidikan Islam.

Seiring dengan perubahan dalam sistem pendidikan, komponen utama pendidikan adalah proses pengajaran dan pembelajaran turut diberi perhatian. Pendekatan tradisional yang berpusatkan guru telah bertukar kepada pendekatan yang berpusatkan pelajar. Oleh itu, untuk memartabatkan Pendidikan Islam, guru perlulah memastikan kaedah PdP Pendidikan Islam bercirikan pengajaran berkualiti. Ramsden (1992) merumuskan satu daripada ciri pengajaran yang berkualiti ialah



penggunaan kaedah mengajar dan tugas oleh guru yang memerlukan murid memainkan peranan secara aktif, bekerjasama dan bertanggungjawab.

## **1.2 Latar belakang kajian**

Mata pelajaran Pendidikan Islam dirancang untuk memberi pengalaman yang menyeronokkan, bermakna agar dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian murid melalui penggunaan kaedah pengajaran yang menghiburkan dan dapat menarik sikap murid untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran yang disediakan oleh guru. Penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar seperti penggunaan video, powerpoint dan sebagainya membantu menarik perhatian murid semasa proses pengajaran berlangsung. Guru yang bijak perlu mengenal pasti kaedah yang boleh merangsang sikap murid untuk meminati mata pelajaran sekolah rendah agar pembelajaran menjadi lebih berkesan. Antara kaedah yang digunakan adalah kaedah permainan dan nyanyian.

Menurut Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (1993), perkara yang ketara dalam pengajaran Pendidikan Islam masa kini ialah tumpuan yang berlebihan kepada bidang kognitif. Bidang afektif dan psikomotor kurang diberikan perhatian. Dalam bidang kognitif tumpuan diberikan kepada pengumpulan maklumat dan hafalan. Realiti pada hari ini jika dilihat kepada konsep pedagogi, Pendidikan Islam lebih menekankan kepada keupayaan dan kebolehan murid mengetahui dan menghafal. Murid tidak memahami dan menghayati asas prinsip Pendidikan Islam dan mempelajari Pendidikan Islam dengan berkesan, menyebabkan murid cepat berasa bosan.

Pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai adalah penting untuk membantu murid meningkatkan pencapaian serta minat mereka terhadap PdP di dalam bilik darjah. Menurut Ahmad Mohd Salleh (2004), kaedah yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan murid yang diajar di dalam bilik darjah. Guru hendaklah benar-benar memahami tentang kaedah yang akan digunakan serta memastikan kaedah ini akan memberi kejayaan dan kesan positif dalam pembelajaran murid. Oleh itu, kajian ini mengambil teknik yang sesuai iaitu kaedah permainan dan nyanyian

kerana kaedah ini mampu mempengaruhi sikap murid Pendidikan Islam dengan lebih cemerlang.

Menurut Musa Daia (1992) dalam Ahmad Mohd Salleh (2004), permainan merupakan satu cara melatih murid sebagai seorang manusia dan merupakan satu teknik yang baik untuk menjadikan pengajaran di sekolah lebih menarik dan praktis. Hal ini membuktikan bahawa kaedah permainan mampu menarik sikap murid mempelajari Pendidikan Islam. Hujah ini dapat dikukuhkan lagi dengan laporan (Beard dan Senioa (1980) dalam Ahmad Mohd Salleh (2007), melaporkan bahawa ahli Psikologi menunjukkan bahawa kaedah mengajar yang berkemungkinan besar boleh menggerakkan murid untuk belajar atau mengekalkan motivasi yang baik ialah kaedah yang melibatkan mereka yang aktif iaitu permainan.

Kajian Akram Kamarudin (2010), menunjukkan teknik permainan bahasa dapat mengelakkan murid menjadi bosan semasa proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran sewaktu guru menjalankan aktiviti-aktiviti yang menarik.

Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah nyanyian bagi menarik minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Menurut Abdullah al-Amin al-Na'miy (1994), di dalam bukunya menyatakan bahawa Ibnu Khaldun telah mengisytiharkan sesungguhnya muzik adalah suatu ilmu, dan menekankan bahawa muzik dan nyanyian itu sesuatu perkara yang dapat memperkembangkan pengetahuan dan idea semasa melagukan sesuatu lagu.

Di samping itu, menurut kajian Rosne Hafizah (2009), hasil dapatannya terhadap beberapa orang murid di sebuah sekolah di Selangor, mendapati aktiviti nyanyian dapat merangsang minat murid-murid untuk mempelajari bahasa Arab. Secara tidak langsung telah berjaya menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab melalui kaedah nyanyian. Ini berkaitan dengan mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu tilawah al-Quran.

Dalam surah al-Baqarah ayat 286 yang bermaksud “ *Allah tidak membebanikan seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya* “. Ayat al-Quran ini sesuai dengan proses mengingat bagi sesuatu individu. Setiap individu dikurniakan Allah kemampuan dan kecerdasan minda yang berbeza-beza. Bagi mengingat sesuatu perkara, seseorang itu perlu menggunakan kaedah tertentu supaya ingatan itu berkekalan. Justeru penggunaan kaedah permainan dan nyanyian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam jelas menunjukkan kesan positif terhadap sikap murid Islam di sekolah rendah.

Terdapat perbezaan pencapaian jantina antara lelaki dan perempuan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian di Daerah Tuaran yang dilakukan oleh Norazlizan (2006), mendapati terdapat sedikit perbezaan tahap pencapaian murid lelaki dan perempuan iaitu murid perempuan lebih baik. Manakala kajian oleh Ramlan (2000) juga mendapati terdapat perbezaan pencapaian jantina terhadap keputusan ujian membaca al-Quran dan jawi murid- murid Tahun Lima.

Adapun dapatan Azizah (2006), mendapati pencapaian murid di Daerah Kota Kinabalu dalam mata pelajaran ini tidak terdapat perbezaan dari segi min pencapaian murid lelaki dengan min murid perempuan. Secara umumnya, tahap pencapaian murid perempuan lebih baik berbanding murid lelaki. Di dalam kajian ini juga, kajian ini akan mengkaji sama ada terdapat perbezaan sikap murid terhadap kaedah permainan dan nyanyian mengikut jantina.

Mengapakah kaedah permainan dan nyanyian menjadi pilihan pengkaji? Apakah terdapat sesuatu yang istimewa pada kedua-dua kaedah ini sehingga pengkaji ingin mengupasnya dengan lebih dalam lagi? Pengkaji berminat untuk mengkaji pengaruh kaedah permainan dan nyanyian kerana sehingga kini belum ada kaedah sesuai yang dapat menarik sikap murid untuk mempelajari Pendidikan Islam. Walaupun sebelum ini banyak kaedah yang diguna pakai seperti bercerita, talaqqi musyafahah, soal jawab, bacaan dan sebagainya.

Sehingga kini tidak terdapat kaedah khusus yang telah digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam untuk menarik sikap murid untuk mendalami pelajaran tersebut. Menurut Mohd Ariff (1988) di dalam kajiannya untuk mengesan keberkesanan sistem pendidikan yang berorientasikan Pendidikan Islam, kajian telah dijalankan ke atas pelajar Sekolah Menengah Agama berasrama penuh. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem pendidikan yang berorientasikan Pendidikan Islam masih mempunyai kelemahan tertentu dalam merealisasikan hasrat untuk melahirkan pelajar-pelajar yang tinggi akhlaknya.

Namun kajian oleh T. Subahan Mohd Meerah (2003), ke atas 9 buah sekolah mengenai pengkaedahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam menunjukkan bahawa guru-guru mula berusaha mempelbagaikan kaedah mengajar dan mengadakan perbincangan, kaedah soal jawab, kerja kumpulan, penggunaan internet, amalan simulasi, penggunaan komputer dan kaedah menghafaz. Tetapi bagi pengkaji tidak ada lagi kaedah sesuai yang diguna pakai oleh guru Pendidikan Islam untuk mengajar Pelajaran Pendidikan Islam yang boleh menarik sikap murid mempelajari mata pelajaran ini.

Kaedah pengajaran terdiri daripada beberapa langkah atau kegiatan yang mempunyai urutan tertentu. Manakala pengajaran ialah segala aktiviti seseorang untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang agak kekal dalam diri seseorang yang lain. Lantaran itu pengkaji memilih kaedah permainan dan nyanyian sebagai satu kaedah yang paling sesuai untuk diguna pakai bagi menarik sikap murid untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam.

Penggunaan kaedah permainan dalam kelas adalah satu teknik yang efektif dan dapat membantu memudahkan proses PdP. Teknik permainan dapat menyampaikan maklumat dalam pengajaran dalam suasana yang ceria dan menyeronokkan. Dengan menggunakan permainan dalam kelas, murid akan merasa bahawa mereka sedang belajar dalam keadaan yang berbeza dan seronok daripada keadaan yang biasa. Penggunaan permainan yang menarik akan meningkatkan sikap murid dalam mempelajari sesuatu pengajaran terutama Pendidikan Islam.

Manakala penggunaan kaedah nyanyian dalam proses pengajaran mampu merangsang pancaindera komunikasi murid seperti pancaindera pendengaran. Rangsangan terhadap pendengaran murid mempengaruhi pembelajaran murid. Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Gould-Marks, dalam Zarul Akhma (1993), yang membuktikan bahawa apabila pancaindera digunakan dengan bijak peratus pemahaman murid adalah sebanyak 30 peratus dan peratus ingatan adalah 40 peratus. Ini bermakna penggunaan kaedah nyanyian mampu merangsang sikap murid dalam suatu mata pelajaran yang diajar.

Dalam kajian Ab. Halim Tamuri (2004), yang bertajuk "Keberkesanan PdP Pendidikan Islam ke Atas Pembangunan Pelajar" iaitu satu kajian kuantitatif dan kualitatif terhadap persepsi 282 orang guru dan persepsi 2140 pelajar terhadap PdP guru Pendidikan Islam, mata pelajaran dan pembangunan pelajar. Dapatan kajian tersebut memperlihatkan bahawa kaedah yang paling kerap digunakan oleh guru dalam penyampaian Pendidikan Islam ialah kaedah kuliah dan penerangan kerana digunakan pada tahap penggunaan yang tinggi dalam empat bidang Pendidikan Islam iaitu tilawah, asas ulum syariah, adab islamiah dan jawi. Dapatan ini menunjukkan bahawa kaedah PdP Pendidikan Islam masih lagi berpusatkan guru.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Kerajaan telah mengubah dan melaksanakan strategi bagi meningkatkan sistem pendidikan di negara kita. Cabaran dunia pendidikan pada abad ke-21 ini semakin serius menjelang tahun 2020. Ghazali (2004), menyatakan biarpun begitu banyak perubahan yang telah dilakukan, namun mata pelajaran Pendidikan Islam masih lagi terpinggir dan tersisih. Mata pelajaran Pendidikan Islam masih berada pada tahap lama dan tidak menerima taraf sebagai mata pelajaran nasional seperti mana pentingnya mata pelajaran sains, matematik dan bahasa.

Apabila Pendidikan Islam tidak begitu ditekankan, impak yang paling besar adalah murid hanya belajar sekadar untuk memenuhi jadual waktu persekolahan mereka sahaja. Kesannya, murid belajar sambil lewa mata pelajaran ini dan mudah terjebak dan terdedah dengan gejala sosial yang tidak sihat seperti pergaulan bebas, penipuan, terlibat dengan jenayah, keruntuhan moral dan sebagainya. Oleh

yang demikian, guru Pendidikan Islam merupakan penggerak dan pelaksana untuk mencapai Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Aspirasi Pendidikan Islam yang tinggi tidak akan tercapai sekiranya PdP Pendidikan Islam masih lemah dan tidak diminati oleh pelajar. Terdapat banyak faktor yang dikenal pasti yang menjadi punca kepada masalah tersebut antaranya pedagogi guru yang membosankan. Kurikulum yang meliputi buku teks dan strategi pengajaran yang berunsur tradisional. Begitu juga dengan pengajaran Pendidikan Islam bukan sahaja melibatkan penyampaian fakta atau pengetahuan dalam disiplin ilmu tetapi lebih banyak menekankan aspek 'amalan' sebagai penghayatan kepada ilmu yang dipelajari. (Hasbullah dan Yusni, 2003).

Adapun faktor yang mendorong terjadinya masalah ini adalah kerana belum ada kaedah pengajaran yang diaplikasikan dapat membantu dalam pengajaran dan pembelajaran kepada pencapaian tingkah laku dan sahsiah murid. Terdapat rungutan bahawa kaedah pengajaran Pendidikan Islam belum mencapai tahap keberkesanan yang dikehendaki sekolah-sekolah. Terdapat juga rungutan yang lain tentang guru yang bersifat kurang kreatif, penyampaian bahan yang membosankan, kaedah mengajar yang kurang berkesan yang mengakibatkan murid kurang berminat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Murid menganggap bahawa Pendidikan Islam adalah mata pelajaran yang sukar untuk dipelajari kerana melibatkan pemikiran yang abstrak bagi memahami konsep Pendidikan Islam dengan berkesan dan bertanggungjawab bahawa penghafalan amat perlu dalam mempelajari Pendidikan Islam. Justeru, murid kurang berminat untuk mempelajari Pendidikan Islam kerana perlu mengingat banyak fakta, proses dan juga teori berbanding dengan mata pelajaran lain. Kajian Sabariah Baharun (2009), mendapati prestasi pelajaran Pendidikan Islam sama ada jawi, al-Quran dan Fardu Ain sebelum ini masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Ini berkemungkinan disebabkan oleh kaedah yang digunakan tidak mampu menarik minat murid pada mata pelajaran Pendidikan Islam.

Dalam Yusup (2001), Cara pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sering dianggap masih menjalankan kaedah '*chalk and talk*' menunjukkan faktor pengajaran Pendidikan Islam kelihatan lesu dan hambar. Kaedah pengajaran yang masih tradisional ini amat menjemukan murid malah ia juga kurang berkesan kepada pengetahuan teknologi terkini.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya 27 Januari 1999, menyarankan Kementerian Pendidikan menyemak semula kurikulum Pendidikan Islam (PI) dengan memberi penekanan kepada kandungan teks dan kaedah pelaksanaan kurikulum yang lebih berkesan kepada murid- murid sekolah. Kurikulum Pendidikan Islam disemak semula mulai tahun 2000 dengan beberapa penambahbaikan. Pada 8 Mac 2001 YAB Perdana Menteri telah menerima beberapa saranan dari Jawatankuasa semakan Sukatan Pelajaran. (semakan kurikulum Pendidikan Islam KBSR dan KBSM, Pendidikan Islam dan Moral, 2000).

Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah, terdapat empat kandungan iaitu Asuhan Tilawah al-Quran yang mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan mengenal huruf hijaiyah, membaca, menghafaz dan memahami maksud atau tema ayat yang dibaca dan dihafaz. Asas Ulum Syariah pula mengandungi akidah, ibadah dan sirah iaitu pemantapan akidah, pembentukan sikap dan tanggungjawab kepada Allah SWT, pengetahuan tentang peraturan ibadah dan pelaksanaannya dan percontohan dan pengambilan iktibar daripada Sirah Rasulullah SAW. Manakala Asas Akhlak Islamiah mengandungi asas akhlak dan adab untuk diamalkan oleh orang Islam. Adapun Pelajaran Jawi mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan mengenal huruf-huruf jawi, boleh membaca dan menulis jawi. (Sabariah, 2006).

Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri menjalankan kajian ke atas pelajar di beberapa buah Sekolah Menengah dan mendapati lebih 40 peratus daripada golongan remaja buta huruf al-Quran dan jawi. Pelajar-pelajar tersebut gagal dalam ujian pembacaan al-Quran (Berita Harian, 30 September 1995 dalam Nik Mohd Rahimi et al, 2002). Kajian dijalankan oleh Aminah (1997) di empat buah Sekolah di Daerah Hulu Langat tentang kebolehan pelajar membaca al-Quran

mendapati 31.2 peratus daripada 160 pelajar tingkatan empat menguasai bacaan al-Quran secara bertajwid. Manakala 69.8 peratus tidak boleh membaca al-Quran dengan baik.

Kajian telah di jalankan ke atas 120 orang pelajar tingkatan dua di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Sabah berkaitan dengan penguasaan menyebut huruf-huruf al-Quran. Kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya tahap penguasaan menyebut huruf-huruf al-Quran adalah sederhana fasih. Menurut Nik Mohd Rahim (2002), penyebutan huruf yang tidak fasih dan kurang fasih erat kaitannya dengan penyebutan huruf-huruf yang tidak ada dalam sistem bunyi Bahasa Melayu. Dengan kata lain, erat kaitannya dengan faktor bahasa, fizikal organ sebutan dan faktor dialek tempatan.

Kajian yang telah dijalankan oleh Nik Hassan (2006) terhadap kemahiran menulis jawi dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat di empat buah sekolah daerah Tuaran, mendapati bahawa skor min pelajar di daerah ini pada 2.26. Dapatan ini menggambarkan responden di daerah ini hanya mampu mengenal huruf jawi yang belum bersambung dengan bacaan min 3.17 manakala dari segi penulisan huruf-huruf jawi pada min 2.78. pelajar juga bermasalah untuk menyambung huruf-huruf jawi bagi membentuk perkataan. Dapatan min 2.45 menunjukkan pelajar-pelajar ini gagal untuk mencantumkan huruf jawi menjadi perkataan.

Menurut Kang Kyoung (1990), kecemerlangan murid dalam Pendidikan Islam adalah bergantung kepada PdP jawi yang berkesan kerana jawi merupakan medium asas untuk Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah di Malaysia pada hari ini terutama dalam pembelajaran al-Quran. Matlamat pelajaran jawi adalah untuk melengkapkan murid dengan kemahiran menulis dan membaca jawi bagi membolehkan murid memahami pelbagai bidang ilmu dalam Pendidikan Islam.